BIL 6/2024 (DISEMBER)

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)

# RINGGIT

## RAKAN KEWANGAN ANDA

Anak-Anak Perlu Dididik Tentang Pengurusan Kewangan

Bagaimana Tunggakan Pinjaman PTPTN Mempengaruhi CCRIS?

Bagaimana Cara Melindungi Diri Daripada Al *Scam*

Fahami Apa Itu Caj Penyelenggaraan Dan Kumpulan Wang Penjelas

# ADAKAH ANDA IKON KEWANGAN KELUARGA ANDA?

ISSN 2180-3684

9 772180 368003

IMBAS KOD QR UNTUK MUAT TURUN MAJALAH RINGGIT

AKPK

FOMCA

FEN FINANCIAL EDUCATION NETWORK

# Isi Kandungan


04 Adakah Anda Ikon Kewangan Keluarga Anda?

09 Anak-Anak Perlu Dididik Tentang Pengurusan Kewangan

15 Bagaimana Cara Melindungi Diri Daripada AI *Scam*

19 Fahami Apa Itu Caj Penyelenggaraan Dan Kumpulan Wang Penjelas

12 Bagaimana Tunggakan Pinjaman PTPTN Mempengaruhi CCRIS?

# Sidang Redaksi


**PENASIHAT**
**Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason**
Presiden FOMCA

**Encik Azaddin Ngah Tasir**
Ketua Pegawai Eksekutif AKPK

**Ketua Sidang Pengarang**
Dato' Dr. Paul Selva Raj
Dr Saravanan Thambirajah

**Editor**
Puan Rohanizam Talib (AKPK)
Puan Nur Asyikin Aminuddin

**Sidang Pengarang**
Encik Irwan Iskandar Azharuddin (AKPK)
Puan Maizatul Aqira Ishak



Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan FOMCA.

**Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia**
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**
Tingkat 5 & 6, Menara Aras Raya
Jalan Raja Laut, City Centre
50350 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel: +603 2616 7766
Sesawang: www.akpk.org.my

***Financial Education Network* (FEN)**
Sesawang: www.fenetwork.my

**Diurus Terbit Oleh**
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7875 2392
E-mel: info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

**Rakan Kongsi Penerbitan Digital**
Wordlabs Global Sdn Bhd
No. 617, Block D, Kelana Square
17, Jalan SS7/26, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7886 4933
Fax: +603 7803 0500
E-mel: info@wordlabs.com.my
Sesawang: www.wordlabs.com.my

# Adakah Anda Ikon Kewangan Keluarga Anda?

**Sebut** sahaja ikon kewangan pasti anda terbayang seseorang pempengaruh kewangan di media sosial yang bercerita tentang pengurusan kewangan keluarga atau seseorang hartawan yang mampu menyediakan kehidupan yang paling selesa untuk keluarganya. Orang seperti kita yang bukan seorang pempengaruh apatah lagi hartawan tidak mungkin menjadi ikon kewangan keluarga.

Pola pemikiran beginilah sebenarnya, antara lain, menyumbang kepada masalah perbelanjaan dan keberhutangan yang tidak terkawal. Walaupun kurang berkemampuan, perasaan mahu menunjukkan kehidupan mewah atau perasaan mahu memenuhi keinginan dan permintaan orang yang tersayang dan juga darah daging sendiri boleh mengaburi pertimbangan kita dalam mengatur kewangan secara bijak dan realistik. Lebih-lebih lagi apabila membayangkan wajah kekesalan kerana 'menghampakan' mereka.

Sudahnya, kita akan menggunakan segala sumber kewangan yang ada seperti wang simpanan (termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), kad kredit, pinjaman (lebih parah jika meminjam daripada along), dan kemudahan lain seperti *Buy Now Pay Later* (BNPL). Malah, ada yang sanggup menggadai barang kemas atau menjual tanah. Semua ini semata-mata untuk 'membahagiakan' orang yang tersayang.

Kita tidak menyangkal bahawa pengorbanan tenaga dan wang untuk membahagiakan keluarga ialah satu tanggungjawab yang murni. Namun, apa sahaja yang pada mulanya baik boleh mendatangkan mudarat jika ia dilakukan secara berlebihan dan terikut-ikut dengan perasaan dan sentimen sosial 'kayangan'. Bolehkah anda menjadi ikon kewangan keluarga walaupun anda bukan seorang pempengaruh atau hartawan? Boleh, walaupun kewangan anda terhad, asalkan anda seorang yang berdisiplin dalam mengurus kewangan keluarga.

## UKURAN SEBAGAI IKON KEWANGAN KELUARGA

### 1. Bil utiliti terbayar

Kemampuan membayar bil untuk mengekalkan kemudahan hidup adalah antara perkara pertama yang dinilai dalam pengurusan kewangan keluarga. Dalam peribahasa Inggeris seperti *"pay the bills"* termasuklah lagu-lagu seperti *"Bills, Bills, Bills"* oleh *Destiny's Child*, membayar bil disamaertikan dengan kemampuan kewangan seseorang. Bayaran bil utiliti seperti elektrik, air, gas, pengurusan kumbahan, pembuangan sampah, kitar semula, Internet, telefon dan perkhidmatan mudah alih perlu diberi fokus setiap bulan agar tidak tertunggak. Tanpa perkhidmatan utiliti tersebut, kualiti hidup keluarga sedia ada akan terjejas dan ini sudah tentu tidak akan menggambarkan anda sebagai ikon kewangan di mata anak-anak.

### 2. Ansuran bulanan terbayar

Seterusnya ialah bayaran balik pinjaman secara ansuran, tidak termasuk pembelian runcit secara kredit menggunakan kad kredit atau kemudahan BNPL. Dalam erti kata lain, anda seharusnya mampu membayar balik pinjaman atau pembiayaan peribadi, rumah atau kenderaan anda mengikut jadual setiap bulan seperti yang telah ditetapkan. Tunggakan bayaran balik hanya akan menambah kos pinjaman atau pembiayaan (melibatkan caj bayaran lewat, faedah tambahan atau pelanjutan tempoh bayaran).

Tanpa intervensi yang berkesan (seperti Program Pengurusan Kredit AKPK[1]), tunggakan yang pada mulanya sebulan akan menjadi beberapa bulan sehingga pinjaman atau pembiayaan anda tidak lagi terbayar. Bank akan mengambil tindakan undang-undang yang boleh mengakibatkan rumah atau kenderaan anda disita dan anda pula diisytihar bankrap.

Oleh itu, peruntukan untuk bayaran balik hutang anda perlulah menjadi prioriti utama anda setiap bulan. Jika perlu, kurangkan sedikit perbelanjaan utiliti anda untuk memberi laluan kepada bayaran balik hutang-hutang anda. Sebagai panduan, pastikan jumlah bayaran balik kesemua hutang anda dalam sebulan tidak melebihi 40% daripada gaji bersih bulanan anda. Lagi kurang lagi bagus.

Mengapa ansuran bulanan ini tidak termasuk pembelian runcit menggunakan kad kredit atau kemudahan BNPL? Hal ini kerana jika anda tidak dapat membayar hutang kad kredit atau BNPL secara langsung mengikut tempoh (seperti yang dinyatakan dalam penyata), anda perlu membayarnya secara ansuran berserta faedah (atau caj keuntungan bank). Jika bayaran dibuat mengikut kadar minimum, anda sebenarnya telah membuka jalan kepada masalah kewangan.

Ironinya, bayaran minimum kad kredit, walaupun nampak mudah dibayar — contohnya 5% daripada baki hutang bulanan yang belum dijelaskan — akan hanya memanjangkan tempoh melangsaikan hutang dan menambah hutang kad kredit anda. Hutang yang terkumpul ini lama-kelamaan akan menjadi terlalu besar untuk anda langsaikan.

**3. Perbelanjaan berhemat serta belajar menyimpan**

Perbelanjaan meliputi makan minum, pakaian dan peralatan, belanja sekolah, kos perjalanan serta barangan dan perkhidmatan lain sama ada ia 'perlu' (keperluan) atau sekadar 'melengkapkan keperluan' (kehendak) untuk kelangsungan hidup. Selain daripada memastikan keperluan asas mencukupi, ibu bapa boleh membawa anak-anak melakukan aktiviti di mana-mana, atau membelikan mereka barangan tertentu pada waktu-waktu tertentu seperti hari jadi mereka — mengikut kemampuan anda. Anak-anak harus melihat bahawa anda mementingkan mereka dan mengorbankan tenaga dan wang untuk menggembirakan hati mereka.

Peranan ibu bapa untuk mengajar anak-anak tentang erti wang dan kepentingan mengurus kewangan bermula dari sini. Apa yang pasti, bukan semua benda di dunia ini boleh dimiliki atau dinikmati. Kesedaran ini penting pada zaman dunia tanpa batas kerana anak-anak kita boleh membandingkan kehidupannya dengan sesiapa sahaja, lebih-lebih lagi dengan gaya hidup seseorang yang menelan perbelanjaan yang tinggi.

Tunjukkan kepada mereka bagaimana anda mengorbankan kehendak sendiri dan mendisiplinkan mereka untuk mengurangkan perbelanjaan keluarga agar boleh berjimat dan menyimpan untuk membawa mereka bercuti atau membeli barangan yang lebih bermakna untuk mereka. Selain itu, rancang perbelanjaan keluarga bersama-sama. Biarkan mereka menikmati pengalaman melihat bagaimana mereka juga boleh menjimatkan kos sekarang dan membina simpanan untuk keseronokan yang dirancang bersama di masa hadapan. Inilah saatnya mereka akan melihat anda sebagai ikon kewangan keluarga sehingga mereka dewasa dan mempunyai keluarga sendiri.

## 4. Perlindungan kewangan

Ukuran seterusnya akan membuktikan anda sebagai ikon kewangan keluarga apabila sesuatu yang tidak dijangka berlaku seperti kemalangan, kehilangan atau kerosakan harta benda, serta penyakit atau kematian. Dengan mengambil instrumen perlindungan kewangan seperti insurans, takaful, hibah, dan lain-lain, anda boleh menjamin kestabilan kewangan keluarga kerana terdapat pampasan untuk menanggung kerosakan dan kehilangan harta, menanggung kos rawatan akibat kemalangan dan penyakit, serta wang pampasan untuk keluarga yang ditinggalkan jika anda meninggal dunia.

Selain itu, anda juga perlu memikirkan tentang pewarisan harta supaya ia dapat dilaksanakan dengan lancar selepas anda tiada. Pastikan penama yang boleh menguruskan harta anda telah dilantik, dan wasiat telah dibuat, jika ada. Fikir, rancang, dan bertindak untuk apa yang anda ingin tinggalkan kepada anak-anak dan isteri anda. Begitulah sifat seorang ikon kewangan keluarga.

Dana kecemasan juga termasuk dalam perlindungan kewangan. Anda perlu membina dana kecemasan yang mampu menampung perbelanjaan keluarga sekurang-kurangnya selama enam bulan sekiranya anda kehilangan pekerjaan atau pendapatan. Anda boleh menyimpan secara konvensional, menggunakan instrumen pelaburan tertentu untuk menggandakan wang, atau menyertai skim insurans/takaful tertentu yang menanggung kos sara hidup sekiranya berlaku ketidakupayaan kekal akibat penyakit atau kemalangan. Semua ini perlu difikirkan supaya keluarga tidak terbeban apabila anda kehilangan pendapatan.

## 5. Perancangan untuk anak-anak

Ukuran yang terakhir sebagai ikon kewangan keluarga ialah perancangan anda untuk masa depan anak-anak. Walaupun ia bukan perkara asas (seperti poin 1-3) mahupun kritikal (seperti poin 4), ia akan dikenang oleh anak-anak sebagai satu jasa ayah dan ibu yang tidak ternilai.

Ini melibatkan perjalanan pendidikan anak-anak. Perbelanjaan pendidikan rendah dan menengah termasuk dalam poin 3. Oleh itu, apa yang dimaksudkan dalam poin 5 ini ialah perbelanjaan tambahan untuk sebarang aktiviti, sumber rujukan atau bahan bacaan, kelas, seminar atau kem pembelajaran khas yang akan membantu anak-anak membesar sebagai insan terpelajar dan berbakat.

Bayangkan anak anda seorang pelajar cemerlang yang boleh bercakap dalam lima bahasa, mengaturcara komputer dan bermain biola di samping mewakili negeri dalam acara renang.

Kewangan untuk semua ini boleh dirancang sejak awal, bahkan sebelum anak-anak dilahirkan[2]. Untuk tujuan ini, mungkin ada kos utiliti dan perbelanjaan yang boleh dikurangkan seperti gajet untuk anak-anak serta kekerapan makan di luar atau melancong. Perjalanan pendidikan anak-anak ini bukanlah mudah, tetapi di masa hadapan, kepada siapa lagi anak-anak yang berpendidikan dan berbakat ini akan berterima kasih jika bukan kepada ibu dan ayah mereka yang menjadi ikon kewangan keluarga — walaupun kedua-duanya bukanlah pempengaruh mahupun hartawan.

Jika anda dapat bertindak sedikit demi sedikit bermula dari ukuran pertama sehingga ukuran kelima, dinamik perhubungan anda dengan anak-anak dan keluarga akan berubah sama sekali. Luangkan sedikit masa untuk memikirkan apa yang anda boleh lakukan dengan lebih baik melalui ukuran seperti yang dinyatakan, kemudian fikir dan tuliskan rancangan anda. Bincangkan rancangan anda dengan isteri atau suami, termasuk anak-anak.

Dapatkan nasihat kewangan daripada sumber yang dipercayai (seperti penasihat kewangan AKPK[3]) untuk mengukuhkan lagi perancangan anda. Selamat membina *a functional family*, iaitu keluarga yang berjaya.

---

[1]Untuk maklumat lanjut tentang Program Pengurusan Kredit AKPK, layari tapak web AKPK di www.akpk.org.my.

[2]Panduan merancang kewangan untuk menerima cahaya mata ada dimuatkan dalam siri buku GROW yang baru sahaja diterbitkan oleh AKPK. Siri ini menampilkan watak yang bernama Roy, Ena, Uma and Adi dengan tabiat dan cabaran kewangan masing-masing. Dari siri pertama sehinggalah siri keempat (dalam empat buku), pembaca akan melihat bagaimana mereka mengurus situasi kewangan mereka dari zaman belia, berkerjaya, berkeluarga sehinggalah mereka bersara. Dapatkan keempat-empat siri GROW dengan menghubungi AKPK di ccd@akpk.org.my.

[3]Untuk mendapatkan nasihat kewangan secara percuma, buat janji temu dengan penasihat kewangan AKPK dengan melayari portal MyBijakKewangan di mybijakkewangan.akpk.org.my.

---

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

# Anak-Anak Perlu Dididik Tentang Pengurusan Kewangan

**Dalam** keadaan ekonomi masa kini yang tidak menentu, pengurusan kewangan keluarga merupakan satu perkara yang sangat penting. Konsep pengurusan kewangan bukan sahaja terhad kepada golongan dewasa, malah ia perlu diterapkan di peringkat kanak-kanak lagi.

Anak-anak perlu didedahkan kepada pengurusan kewangan seawal yang mungkin. Ini dapat membantu mengurangkan jumlah perbelanjaan bulanan anda. Dengan peningkatan harga barang, anda sememangnya memerlukan bantuan daripada semua ahli keluarga. Anak-anak tidak terkecuali untuk sama-sama meringankan beban kewangan anda. Mahu atau tidak, anda perlu mengakui bahawa pengurusan kewangan ialah satu keperluan, lebih-lebih lagi pada zaman sekarang yang semuanya memerlukan duit. Malangnya, ramai ibu bapa yang gagal mendidik anak-anak mereka mengenai konsep asas pengurusan kewangan. Perkara ini perlu diubah kerana mendidik anak-anak mengenai pengurusan kewangan adalah sama pentingnya dengan mengajar anak-anak mengenai asas kebersihan diri seperti memberus gigi, mencuci tangan sebelum makan dan sebagainya.

Pengajaran yang paling penting untuk disampaikan kepada anak-anak ialah kepentingan menabung untuk mengelakkan pembaziran. Ini perlu dilaksanakan demi kebaikan anda dan anak-anak anda.

Mungkin ada sebahagian anak-anak pada zaman sekarang yang beranggapan bahawa duit merupakan satu perkara yang amat mudah untuk diperoleh. Cuba bayangkan senario yang sering berlaku ini: Seorang anak kecil meminta ibunya membelikan mainan baru tetapi ibunya tidak mempunyai duit tunai yang mencukupi untuk membelikan mainan tersebut. Dia memberitahu anaknya, "Mak tidak cukup duit nak belikan mainan ini untuk adik." Si anak pula dengan lurusnya menjawab, "ATM kan ada? Mak boleh keluarkan duit daripada mesin ATM." Ini ialah contoh pemahaman anak-anak pada zaman sekarang! Bagi mereka, wang yang dikeluarkan daripada mesin ATM itu tidak ada had pengeluarannya, dan mereka boleh ke mesin ATM pada bila-bila masa sahaja untuk mengeluarkan seberapa banyak wang yang mereka mahu.

Dalam hidup mereka, kanak-kanak akan melalui satu fasa ingin memiliki pelbagai jenis benda. Namun, mereka tidak sedar bahawa benda-benda tersebut memerlukan wang. Mereka juga tidak sedar bahawa ibu bapa mereka perlu bekerja keras untuk memenuhi keperluan dan kehendak mereka.

Oleh itu, mereka perlu diajar bahawa tidak semua yang dihajati boleh menjadi milik mereka. Apabila anak-anak sudah sampai ke peringkat yang mudah diajar, sudah tiba masanya untuk anda memberikan mereka pendedahan mengenai pengurusan kewangan. Anak-anak perlu mempunyai disiplin yang tinggi untuk menabung, sama ada melalui akaun simpanan di bank mahupun sekadar dalam tabung simpanan di rumah.

**Anak-anak perlu mengetahui bahawa mereka perlu lebih berdisiplin dalam berbelanja dan menguruskan wang. Ramai ibu bapa yang mungkin menggeleng kepala dan mengeluh sambil berkata, "Kanak-kanak sekarang bukan macam dulu. Bukan mudah untuk mengajar mereka supaya berdisiplin." Anda boleh berbahas mengenai isu disiplin ini, namun apa yang pasti ialah disiplin dalam konteks pengurusan kewangan ialah satu keperluan.**

Ramai anak-anak yang masih menuntut di universiti telah pun mempunyai hutang yang perlu mula dibayar apabila tamat pengajian. Contohnya, pinjaman pelajaran seperti pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Apa yang dikhuatiri adalah apabila memasuki alam pekerjaan, bukan saja pinjaman pelajaran yang perlu dibayar, tetapi ditambah pula dengan hutang kad kredit, pinjaman kenderaan, pinjaman peribadi dan sebagainya. Jika hutang ini tidak dikawal, mereka mungkin akan dibelenggu dengan hutang dalam jangka masa yang lama. Keadaan ini mungkin akan melarat sehingga mereka sudah berkeluarga.

Apabila anak-anak mengenali perbezaan antara keperluan dan kehendak serta kepentingan menabung, mereka akan jadi lebih berdisiplin untuk menabung dan mengawal diri daripada membazir. Selain itu, mereka juga akan mula berbelanja mengikut kemampuan diri.

Bagi mengelakkan anak-anak daripada ditimpa masalah kewangan, anda perlu membimbing mereka mengenai perancangan kewangan sejak awal lagi. Jika anak-anak anda dapat menguruskan wang dengan lebih baik, mereka akan berupaya untuk menyimpan dan melabur wang yang disimpan. Di samping itu, wang lebihan tersebut boleh digunakan untuk menderma atau menolong kawan atau orang-orang yang kurang berkemampuan. Inilah masanya untuk kita mendedahkan kepada anak-anak mengenai golongan yang kurang bernasib baik agar mereka tahu menilai kepentingan jati diri yang baik dan sentiasa bersyukur dengan segala kemewahan dan kesenangan yang dimiliki. Dengan menggalakkan sifat dermawan dalam diri anak-anak pada usia yang muda, mereka akan membesar sebagai individu yang mempunyai sifat empati, terpuji dan menghargai kesan positif yang mereka bawa kepada persekitaran dan masyarakat sekeliling.

Untuk mendapatkan panduan pelaburan bijak, layari laman web Pelabur Malaysia. Jika anda berminat untuk berkongsi, menerbit atau mengedar semula artikel ini, sila e-mel ke min@min.com.my.

Sumber: ©Securities Industry Development Corporation 2010

# Bagaimana Tunggakan Pinjaman PTPTN Mempengaruhi CCRIS?

**Pinjaman** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Malaysia untuk membantu pelajar membiayai kos pendidikan tinggi mereka. Pinjaman ini diberikan kepada pelajar yang layak bagi menampung kos yuran pengajian, perbelanjaan harian dan keperluan lain yang berkaitan dengan pembelajaran.

Isu bayaran balik pinjaman PTPTN sering menjadi topik perbualan hangat dalam kalangan peminjam terutamanya peminjam yang baru sahaja tamat pengajian. Pada waktu ini, mereka baru ingin memulakan langkah dalam dunia pekerjaan. Namun, cabaran kewangan pada awal kerjaya menjadikan bayaran balik pinjaman PTPTN suatu beban. Akibatnya, mereka tidak dapat melunaskan bayaran balik pinjaman PTPTN. Dalam situasi ini, peminjam hendaklah bijak menguruskan kewangan mereka agar bayaran balik pinjaman PTPTN dibayar mengikut Jadual Bayaran Balik (JBB) yang telah ditetapkan. Kegagalan mematuhi JBB boleh membawa kepada tunggakan dan seterusnya memberi kesan negatif kepada rekod kredit peminjam pada masa akan datang.

Dalam artikel ini, kita akan mengupas lebih lanjut tentang bagaimana bayaran balik pinjaman PTPTN atau tunggakan pinjaman PTPTN boleh mempengaruhi rekod kredit atau CCRIS *(Central Credit Reference Information System)*.

**APA ITU CCRIS?**

*Central Credit Reference Information System* atau dikenali sebagai CCRIS ialah sistem yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengumpul maklumat kredit individu dan syarikat. Maklumat ini kemudian digunakan oleh institusi kewangan seperti pihak bank, pihak koperasi dan yang berkaitan untuk menilai kemampuan kredit seseorang sebelum memproses serta meluluskan permohonan pinjaman atau kredit.

## Bagaimana pinjaman PTPTN disenaraikan dalam CCRIS?

Apabila anda mengambil pinjaman PTPTN, maklumat pinjaman anda akan dihantar ke Bank Negara Malaysia (BNM) untuk direkodkan ke dalam sistem CCRIS setelah JBB dijana. Ini termasuk jumlah pinjaman, jumlah tunggakan serta status bayaran balik pinjaman PTPTN.

Maklumat ini akan diperbaharui secara berkala, biasanya pada setiap bulan, kepada pihak CCRIS (BNM). Jika anda membuat bayaran balik pinjaman PTPTN tepat pada masanya, ia akan memberi kesan positif kepada rekod kredit anda. Jika pinjaman anda terdapat tunggakan, anda perlu sedar bahawa situasi tersebut boleh menjejaskan skor kredit anda.

## KELEBIHAN MEMBAYAR BALIK PINJAMAN PTPTN SECARA KONSISTEN DAN MENGIKUT JADUAL BAYARAN BALIK (JBB) PINJAMAN PTPTN

### 01 Skor kredit yang baik

Membayar balik pinjaman PTPTN tepat pada masanya membantu mengekalkan rekod kredit yang baik dan menunjukkan anda seorang peminjam yang bertanggungjawab. Ini akan meningkatkan rekod kredit dan memudahkan anda untuk mendapatkan pinjaman lain pada masa hadapan, contohnya:

- Pinjaman perumahan
- Pinjaman kenderaan
- Pinjaman peribadi
- Permohonan kad kredit

### 02 Dapat mengelakkan berlakunya tunggakan dalam penyata pinjaman PTPTN

Dengan membayar balik pinjaman PTPTN mengikut jadual yang ditetapkan, anda dapat mengelakkan tunggakan dalam penyata pinjaman.

### 03 Berpeluang menyertai kempen bayaran balik pinjaman PTPTN

PTPTN sering mengadakan kempen serta menawarkan pelbagai ganjaran atau hadiah hebat kepada peminjam yang membuat bayaran balik pinjaman PTPTN secara konsisten.

## KESAN MEMPUNYAI TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN

### 01 Skor kredit terjejas

Tunggakan bayaran balik pinjaman PTPTN akan dilaporkan dalam sistem CCRIS, dan ini dapat menjejaskan skor kredit anda. Hal ini akan memberi kesan kepada anda untuk mendapatkan pinjaman atau kredit pada masa hadapan.

### 02 Langkah terakhir bagi peminjam yang belum membuat bayaran balik pinjaman PTPTN

Sekiranya peminjam masih tidak membuat bayaran balik pinjaman PTPTN, terdapat beberapa langkah yang akan diambil seperti menghantar Surat Peringatan, mengeluarkan Notis Tuntutan (NOD) dan/atau mengenakan tindakan penguatkuasaan tanpa prejudis. Tindakan ini dilakukan bagi memastikan peminjam bertanggungjawab untuk membuat bayaran balik pinjaman PTPTN demi kelestarian dana pendidikan untuk generasi akan datang. PTPTN amat berharap agar peminjam sentiasa peka, cakna dan memandang serius terhadap bayaran balik pinjaman PTPTN mereka bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan.

**MENCEGAH ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA MERAWAT**
Jom kemas kini rekod kewangan anda dengan berunding bersama kami. #PTPTNSediaBantu anda. Hubungi kami di sini.

Bayaran balik pinjaman PTPTN atau tunggakan pinjaman PTPTN mempunyai impak yang signifikan dan saling berkait rapat dengan rekod kredit dan maklumat CCRIS anda. Dengan memahami kesan-kesan tersebut, diharap anda dapat membuat keputusan yang bijak dalam menguruskan kewangan pada masa akan datang. Selain itu, anda perlu sentiasa membuat bayaran balik pinjaman PTPTN tepat pada masanya agar rekod kredit anda kekal baik.

Sekiranya anda mempunyai sebarang kemusykilan, sila hubungi talian *Careline* PTPTN di 03 2193 3000 atau ikuti media sosial rasmi @PTPTNOfficial untuk maklumat terkini.

---

Sumber: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), www.ptptn.gov.my

# BAGAIMANA CARA MELINDUNGI DIRI DARIPADA AI *SCAM*

Sebelum ini, kita telah pun membincangkan tentang beberapa jenis AI *scam* (penipuan AI) serta cara untuk mengenal pasti hasil janaan AI. Kali ini, kita akan melihat bagaimana anda boleh melindungi diri daripada AI *scam*.

Sebenarnya, usaha mengelakkan diri daripada AI *scam* tidak akan berakhir kerana teknologi akan sentiasa berkembang dan bertambah maju. Jadi, *scammer* juga akan sentiasa mencari cara baharu untuk memperdaya mangsa. Walaupun begitu, anda boleh melindungi diri dengan mengikuti lima langkah asas ini:

### 1. Tamatkan panggilan jika meragukan

Jika anda tiba-tiba menerima panggilan yang mencurigakan daripada nombor yang tidak dikenali, atau panggilan daripada 'ahli keluarga' yang panik meminta bantuan, sila tamatkan panggilan tersebut. Telefon mereka semula untuk mengesahkan kesahihan panggilan mereka tadi. Ini untuk memastikan anda tidak ditipu dengan AI *scam* jenis pengklonan suara, iaitu *scammer* akan menggunakan suara tiruan buatan AI, terutamanya suara orang yang anda kenal, untuk menipu anda.

### 2. Hanya membenarkan orang tertentu sahaja untuk melihat gambar atau video anda di media sosial

Berhati-hati apabila memuat naik gambar atau video anda ke media sosial. Hal ini adalah kerana terdapat kemungkinan gambar wajah anda akan dicuri dan dimanipulasi menggunakan teknologi AI untuk menghasilkan video *deepfake* bagi tujuan penipuan. Namun begitu, anda boleh cuba menetapkan akaun media sosial anda sebagai akaun persendirian (*private*), atau hadkan perkongsian anda kepada senarai orang yang terpilih sahaja (misalnya senarai rakan karib). Anda juga boleh menetapkan perkongsian gambar dan video yang hanya boleh ditatap sekali sahaja. Ia merupakan sejenis fungsi yang boleh diaktifkan di aplikasi *WhatsApp, Instagram* atau platform media sosial anda yang lain.



### 3. Cipta frasa keselamatan untuk melindungi keluarga

Jangan teragak-agak untuk membincangkan isu atau kemungkinan penculikan palsu (atau AI *scam* yang lain) dengan ahli keluarga anda. Isu ini penting terutamanya bagi warga emas yang sering menjadi sasaran *scammer* kerana kebanyakan mereka kurang peka mengenai penipuan yang menggunakan teknologi AI dan cepat panik apabila keselamatan ahli keluarga mereka terancam. Pastikan keluarga anda mempunyai kata laluan atau frasa keselamatan yang telah dipersetujui oleh semua ahli keluarga supaya mereka boleh mengesahkan identiti masing-masing semasa kecemasan demi mengelakkan diri daripada tertipu.

### 4. Lindungi peranti dengan menggunakan pengesahan berbilang faktor (MFA) dan perisian antivirus terkini

MFA *(multi-factor authentication)* atau pengesahan berbilang faktor ialah kaedah pengesahan yang memerlukan pengguna melalui dua atau lebih pengesahan sebelum mengakses sesuatu perkhidmatan, termasuklah akaun dan aplikasi telefon. Ini menyukarkan *scammer* untuk menggodam peranti anda (seperti telefon, tablet atau komputer) dan mencuri imej atau video anda untuk mencipta video atau gambar palsu dengan teknologi AI.






Contoh MFA termasuklah apabila anda dikehendaki untuk log masuk ke suatu perkhidmatan dengan nama dan kata laluan anda (pengesahan tahap 1), dan kemudian memasukkan nombor PIN yang dihantar kepada anda melalui kaedah yang telah dipilih seperti SMS (pengesahan tahap 2).

Terkini, syarikat antivirus juga menggunakan AI sebagai sebahagian daripada sistem mereka untuk membantu memerangi AI *scam*. Sebagai contoh, pakej tertentu daripada Avast dan McAfee menyertakan algoritma dan sistem yang boleh mengesan aktiviti penggodaman oleh *scammer* yang menggunakan teknologi AI. Sistem antivirus ini akan menyekat ancaman tersebut sebelum ia menjadi masalah kepada pengguna.




**5. Pastikan maklumat disemak dengan teliti sebelum membuat sebarang keputusan kewangan/pelaburan**

Kunjungi laman web Semak Mule daripada unit Jabatan Siasatan Jenayah PDRM untuk menyemak sama ada nama syarikat, nombor telefon dan nombor akaun bank yang dikongsikan dengan anda tidak tersenarai dalam kegiatan akaun keldai atau terlibat dengan mana-mana jenayah *scam*.

Untuk maklumat pelabur, sila semak Senarai Amaran Pelabur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), yang menyenaraikan nama entiti dan individu yang tidak mendapat kebenaran untuk mengendalikan skim pelaburan di Malaysia. Sekiranya anda melabur melalui pihak tersebut, pelaburan anda tidak akan dilindungi di bawah undang-undang sekuriti Malaysia.

Selain itu, Senarai Amaran Pengguna Kewangan juga merupakan panduan yang baik kepada pengguna untuk menyemak entiti atau skim yang tidak berada di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia (BNM) dalam menawarkan perkhidmatan kewangan di negara ini.

**Sudah cukup berwaspada, tetapi tetap kena *scam* juga. Apa yang perlu dibuat kalau sudah tertipu?**

Langkah-langkah yang disenaraikan dalam artikel ini hanyalah beberapa cara asas untuk membantu melindungi diri anda daripada AI *scam*. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, teknologi baharu akan sentiasa berkembang. Oleh itu, amat penting untuk memastikan diri anda sentiasa peka dengan perkembangan teknologi terkini.

Namun, jika anda rasa telah ditipu atau data peribadi anda telah dicuri, anda perlu bertindak sepantas yang mungkin dengan menghubungi pihak berkuasa yang berkaitan, seperti bank anda, Pusat Respon Penipuan Kebangsaan (NSRC) di talian 997, atau Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kami juga menyediakan panduan terperinci mengenai langkah-langkah yang perlu diambil jika anda ditipu — anda boleh menggunakannya sebagai senarai semak untuk membantu anda. Selain itu, anda juga boleh membaca artikel mengenai cara-cara mengesan *scam* di laman web *Multiply* untuk memahami lebih lanjut mengenai AI *scam*.

Sumber: Multiply by Creador Foundation, www.multiply.org.my

# Fahami Apa Itu Caj Penyelenggaraan Dan Kumpulan Wang Penjelas

**Sekiranya** anda tinggal di kondominium, *town house*, apartmen, rumah flat, atau jenis kediaman yang turut dikenali sebagai rumah strata, pasti anda telah biasa membuat bayaran yuran bulanan bagi caj penyelenggaraan dan kumpulan wang penjelas. Yuran bulanan turut dikenali sebagai yuran penyelenggaraan (*maintenance fees – MF*). Bagi yang belum mengetahui istilah ini, anda perlu mengetahui mengapa pemilik rumah strata perlu membayarnya dan apa yang akan terjadi jika gagal berbuat demikian.

Ramai yang masih keliru dan tidak faham mengapa pemilik rumah strata masih perlu membayar Kumpulan Wang Penjelas atau lebih dikenali sebagai *'Sinking Fund'* sedangkan caj penyelenggaraan turut dikutip pada setiap bulan.

## Perbezaan caj penyelenggaraan dengan kumpulan wang penjelas

Caj penyelenggaraan digunakan untuk tujuan penyelenggaraan kemudahan dan harta bersama seperti penyelenggaraan lif, kolam renang, dewan serba guna, perkhidmatan kawalan keselamatan dan kerja-kerja pembersihan serta pembaikan kecil.

Kumpulan wang penjelas pula merupakan 'tabung khas' yang bertujuan untuk pembaikan atau penggantian besar bagi mengekalkan integriti struktur bangunan dan keperluan penting bangunan dan juga harta bersama dari masa ke masa.

Semasa penyerahan milikan kosong (*vacant position*), pemilik rumah strata perlu mencarum kumpulan wang penjelas, iaitu sebanyak 10% daripada caj penyelenggaraan. Mereka perlu membayar deposit satu (1) bulan serta bayaran pendahuluan untuk tiga (3) bulan sebagai caruman kepada kumpulan wang penjelas mulai tarikh pemilikan kosong dan selepas itu caruman tersebut hendaklah dibayar satu bulan terdahulu. Ini bermakna bayaran kumpulan wang penjelas untuk bulan hadapan perlu dijelaskan pada bulan semasa, dan seterusnya.

## Bidang kuasa badan pengurusan yang mengutip kumpulan wang penjelas

Badan pengurusan seperti pihak pemaju, Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation* - MC) atau Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body* - JMB) mempunyai kuasa undang-undang di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 dan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 (Jadual H) untuk mengutip kumpulan wang penjelas. Mengikut akta tersebut juga, perbelanjaan kumpulan wang penjelas ini adalah terhad dan hanya dibenarkan untuk kepentingan bangunan dan harta bersama. Hal ini adalah untuk memastikan pihak badan pengurusan membelanjakan dana tersebut secara adil dan saksama.

Selain itu, Klausa 20 (Jadual H) turut menyatakan bahawa pihak pemaju diamanahkan untuk menyimpan kumpulan wang penjelas yang terkumpul sehingga penubuhan badan pengurusan yang rasmi seperti MC atau JMB.

**TANGGUNGJAWAB PEMILIK/PENGHUNI RUMAH STRATA**

- Membayar yuran penyelenggaraan setiap bulan
- Mematuhi undang-undang kecil yang ditetapkan
- Menjaga harta bersama
- Menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM)

**KESAN PENGABAIAN TANGGUNGJAWAB**

- Pihak badan pengurusan boleh memaparkan nama pemilik strata (berserta nombor unit kediaman) yang culas membayar yuran penyelenggaraan di kawasan umum
- Dilarang menggunakan kemudahan bersama
- Tidak layak mengundi dalam mesyuarat AGM dan EGM, jika mempunyai tunggakan yuran penyelenggaraan
- Jika terdapat tunggakan yuran penyelenggaraan, pihak badan pengurusan boleh memfailkan tuntutan kepada Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) bagi mendapatkan perintah mahkamah untuk menyita harta alih di dalam unit kediaman berkenaan

Ini bermaksud pemaju tidak boleh menggunakan wang yang dikutip daripada pemilik rumah untuk tujuan selain daripada tujuan yang ditetapkan oleh undang-undang. Pemaju atau ejennya juga bertanggungjawab untuk menyediakan laporan tahunan audit kepada semua pemilik rumah strata untuk memastikan perbelanjaan dana tersebut digunakan secara telus.

**Pemaju tidak boleh menggunakan wang yang dikutip daripada pemilik rumah untuk tujuan selain daripada tujuan yang ditetapkan oleh undang-undang.**

## Risiko penyalahgunaan kumpulan wang penjelas

Walaupun Akta Hakmilik Strata membenarkan badan pengurusan menggunakan kumpulan wang penjelas untuk tujuan tertentu sahaja, terdapat kelompongan dari segi cara pengumpulan, perbelanjaan, dan pengauditan. Kelompongan tersebut akan memberi peluang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan dana tersebut.

Oleh itu, kumpulan wang penjelas yang terkumpul perlu diurus dengan lebih telus. Antara cadangan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- Penyediaan garis panduan yang lebih jelas tentang cara pengurusan dana tersebut dari segi cara pengumpulan, perbelanjaan dan pengauditan.
- Laporan tahunan audit perlu dikongsikan bersama pemilik rumah strata untuk memastikan setiap item perbelanjaan yang dibuat oleh badan pengurusan adalah telus dan mengikut undang-undang yang ditetapkan.
- Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan undang-undang yang lebih tegas terhadap badan pengurusan yang menyalahgunakan kumpulan wang penjelas.

## Hak pemilik rumah strata jika berlaku penyalahgunaan dana

Sekiranya terdapat bukti penyalahgunaan kumpulan wang penjelas, pemilik rumah strata berhak untuk membuat aduan kepada agensi yang berkaitan seperti Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Penyalahgunaan dana tersebut merupakan satu kesalahan besar kerana melanggar peruntukan undang-undang yang sedia ada. Oleh itu, perbuatan tersebut perlu diadukan kepada pihak berwajib untuk tindakan selanjutnya.

Sila layari laman sesawang Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) dan klik E-ADUAN untuk membuat sebarang aduan. Pengguna juga boleh menghubungi NCCC di talian 03 7877 1076 atau 03 7877 9000.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

AKPK

# Siri GROW

**Ilmu merangsang pertumbuhan, manakala cerita mencetuskan perubahan. Jadikan siri GROW dan The Humble Giant teman perjalanan anda menuju esok yang lebih baik.**

Miliki kesemua 4 siri GROW hari ini dan dapatkan The Humble Giant secara percuma!

## GAINING KNOWLEDGE!

**Langkah Pertama Mempertingkatkan Kesejahteraan Kewangan**

Menawarkan panduan kewangan yang penting untuk pelajar institusi pengajian tinggi, merangkumi topik utama seperti simpanan, bajet, memahami nilai bersih dan membina skor kredit yang sihat, dengan tujuan mendirikan asas yang kukuh untuk kecemerlangan kewangan.

## REALISING POTENTIAL!

**Menyerlahkan Potensi Kewangan Anda**

Mempersiapkan individu yang baru melangkah ke alam pekerjaan dengan kemahiran kewangan yang penting, merangkumi topik utama seperti pengurusan pinjaman dan kad kredit, kepentingan dana kecemasan dan asas pelaburan. Buku ini memperkasakan individu untuk mencorakkan masa hadapan kewangan mereka dengan yakin.

## OPTIMISING RESOURCES!

**Membina Masa Hadapan yang Mampan**

Memberi kemahiran kewangan yang penting kepada individu dalam mengurus dan menjaga keluarga. Buku ini menyentuh topik utama seperti insurans, meneliti instrumen pelaburan yang lebih kompleks, dan cara memaksimumkan sumber kewangan bagi memastikan masa depan lebih terjamin dan mampan.

## WEALTH WISDOM!

**Hidup Sejahtera, Nikmati Kesejahteraan Kewangan yang Lebih Baik**

Memberikan wawasan yang penting untuk melayari peringkat kehidupan selanjutnya, iaitu merancang persaraan, mengurus harta pusaka dan mengoptimumkan simpanan KWSP, termasuk mengekalkan kesihatan dan mewariskan kemakmuran dan kebijaksanaan kewangan kepada generasi seterusnya.

the humble giant

A story of humanity... the AKPK way

**Imbas kod QR ini untuk pembelian**

**RM 100**
satu set